

ULASAN BUKU/BOOK REVIEW

**ULASAN BUKU: *KEPENTINGAN NASIONAL JEPUN DI SELAT MELAKA*
OLEH NORAINI ZULKIFLI DAN ZARINA OTHMAN, BANGI, PENERBIT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) PRESS, 2020, 164 pp,
ISBN: 9789674128067 © Σ**

SHAZWANIS SHUKRI *

Sejak beberapa dekad yang lalu, kepentingan laluan maritim melalui Selat Melaka untuk tujuan perdagangan dan pelayaran telah semakin banyak dibincangkan. Kedudukan geografi Selat Melaka yang amat strategik dan terletak di tengah-tengah laluan perdagangan antara Timur dan Barat menjadikan selat ini sebagai pilihan utama kepada para pelayar dan pedagang dan menjadikannya sebagai salah satu selat tersibuk di dunia. Perkembangan ini telah menarik minat banyak negara untuk menjadikan Selat Melaka sebagai laluan perdagangan utama mereka, termasuk China, India dan Jepun. Buku bertajuk *Kepentingan Nasional Jepun di Selat Melaka* yang disunting oleh Noraini Zulkifli dan Zarina Othman merupakan naskah yang telah diterbitkan tepat pada masanya bagi membincangkan faktor dan implikasi ke atas geopolitik di Selat Melaka.

Buku ini mengandungi lima bab yang memfokuskan kepada latar belakang Selat Melaka dan kepentingan strategik maritim Selat Melaka kepada Jepun sebagai kuasa maritim di Asia Pasifik. Bab pertama buku ini membincangkan intipati kepentingan Selat Melaka sebagai laluan perdagangan utama yang menjadi tonggak kepada ekonomi Jepun. Penulis juga membincangkan mengenai pendekatan realisme dan neorealisme untuk berhujah mengenai kepentingan nasional, keselamatan ekonomi dan keselamatan maritim Jepun di Selat Melaka. Penulis berhujah bahawa Selat Melaka adalah sangat penting kepada Jepun kerana ia menyediakan laluan perdagangan maritim yang terpanjang jika dibandingkan dengan Selat Lombok dan Makasar. Perairan Selat Melaka juga dianggap lebih selamat sebagai laluan kepada kapal perdagangan kerana kurang terdedah kepada ancaman jenayah maritim seperti pelanunan dan rompakan laut. Kebergantungan yang tinggi ini telah meningkatkan lagi inisiatif Jepun untuk memberi fokus kepada kerjasama ekonomi dan keselamatan dengan negara-negara pesisir Selat Melaka iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia. Hal ini turut disokong oleh penulis dengan menjelaskan bahawa pendekatan neorealisme yang menekankan kepada kepentingan kuasa secara bersama telah memotivasikan Jepun untuk meningkatkan kerjasama dengan negara-negara pesisir ini untuk mencapai matlamat yang sama.

© Para Penulis.2023. Diterbitkan oleh Penerbit UKM bagi pihak SPHEA, FSSK UKM dan MPAT. Ini adalah artikel Akses Terbuka (*Open Access*) yang diedarkan menerusi syarat Lesen bebas karya yang tidak berhak cipta [*creative common (CC)*]: <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), yang membenarkan penggunaan, pengedaran dan pengeluaran semula tanpa had dalam mana-mana medium dengan syarat karya asal dipetik dengan betul dan tepat (diterbitkan *SINERGI*)

Σ **Maklumat artikel:** Tarikh penghantaran: 12 Disember 2023; Tarikh penerimaan: 20 Disember 2023; Tarikh Penerbitan: 31 Disember 2023.

* **Penulis Penghubung:** Shazwanis Shukri, PhD (*Cardiff*), Pensyarah Kanan, Jabatan Pengurusan hal Ehwal Antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia. Email: shazwanis@uum.edu.my

Bab dua buku ini membincangkan secara dasar tentang latar belakang Selat Melaka dan kemudahan pelabuhan di sekitar Selat Melaka. Penulis menghujahkan bahawa terdapat tiga pelabuhan utama di sepanjang perairan Selat Melaka yang dikategorikan sebagai pelabuhan terpenting di dunia iaitu Pelabuhan Singapura, Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas. Antara kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pelabuhan-pelabuhan ini termasuklah tahap keselamatan yang tinggi; pengendalian yang cekap; infrastruktur yang canggih; kadar tarif yang kompetitif serta akses kepada sokongan perkhidmatan yang lain. Faktor-faktor penarik ini telah meningkatkan kebergantungan Jepun terhadap pelabuhan di sepanjang perairan di Selat Melaka dan menarik banyak pengendali kapal perdagangan Jepun untuk belayar melalui Selat Melaka dan singgah di pelabuhan tersebut. Pemesatan ekonomi maritim Jepun ini mula meningkat selepas tamatnya Perang Dunia Kedua di mana Jepun mula memfokuskan kepada pembinaan semula negara dan pertumbuhan ekonomi. Kadar import yang tinggi terhadap barangan dan komoditi dari Timur Tengah seperti minyak dan hidrokarbon turut meningkatkan kebergantungan kapal perdagangan Jepun terhadap perairan Selat Melaka.¹

Bab tiga diteruskan dengan analisa mengenai kepentingan Selat Melaka kepada ekonomi Jepun dari tahun 2001 hingga 2015. Jenis kapal yang paling banyak menggunakan Selat Melaka adalah kapal kontena, kapal tangki dan kapal pukal yang membawa pelbagai bentuk barangan dalam bentuk cecair dan juga pejal dalam kuantiti yang besar. Kebergantungan Jepun yang tinggi terhadap import sumber minyak dan bahan mentah menjadikan Selat Melaka sebagai laluan utama untuk membawa masuk komoditi ini dari negara Timur Tengah, Barat dan Eropah ke Jepun. Selat Melaka menjadi laluan sumber tenaga yang penting bagi Jepun sejak tahun 1960-an bagi mengimport hampir 80% sumber hidrokarbon dan 60% sumber makanannya. Sumber bekalan mintak mentah dan sumber tenaga ini sangat penting bagi Jepun untuk menggerakkan ekonominya yang berasaskan kepada perindustrian, perkilangan dan industri berat. Selain itu, Jepun turut menggunakan laluan Selat Melaka untuk mengimport barangan lain termasuklah biji galian, logam, mineral dan plastik. Bagi tujuan eksport pula, Selat Melaka digunakan sebagai laluan perdagangan utama oleh Jepun untuk mengeksport kenderaan bermotor, mesin elektrik, mesin industri, makanan marin dan barangan siap yang lain bagi menjana pendapatan negara.

Seterusnya bab empat buku ini mengupas mengenai kepentingan strategik maritim Selat Melaka kepada Jepun. Penulis telah mengenalpasti cabaran strategik maritim dalam aspek pelayaran dan keselamatan di Selat Melaka terhadap Jepun. Oleh kerana Selat Melaka merupakan antara selat tersibuk di dunia, ini sekaligus telah meningkatkan risiko kemalangan dan ancaman keselamatan maritim yang lain. Bot-bot kecil terdedah kepada risiko kemalangan dengan kapal-kapal besar yang melalui Selat Melaka termasuklah risiko pelanggaran. Selain itu, cabaran kedua yang dihadapi oleh Jepun ialah peningkatan jumlah ancaman keselamatan maritim di Selat Melaka seperti rompakan laut, pelanunan, penyeludupan barangan merbahaya, pencerobohan bot nelayan asing dan serangan penganas. Peningkatan kes jenayah maritim ini sekaligus mampu menggugat ketenteraman pelayaran dan mengancam keselamatan anak kapal. Meskipun statistik peratusan jenayah maritim di Selat Melaka direkodkan berkurangan selepas tahun 2006, namun ancaman ini dilihat masih wujud dan harus diberi perhatian serius bagi mengekalkan keamanan pelayaran di Selat Melaka. Dengan mengambil kira faktor keselamatan ini, Jepun telah melakukan banyak inisiatif bersama-sama negara pesisir secara bilateral mahupun multilateral untuk meningkatkan tahap keselamatan dan keamanan di Selat Melaka di peringkat yang optimum. Antara inisiatif yang

diperkenalkan oleh Jepun adalah *Official Development Assistance* (ODA), menyalurkan dana kepada Suruhanjaya Selat Melaka (MSC) dan aktiviti di bawah MOFA Jepun. Antara kerjasama yang telah dilaksanakan adalah menaiktaraf kemudahan pelayaran yang lebih baik seperti boya, suar dan bot peronda, carta pelayaran elektronik yang lebih canggih, dan menyediakan kapal peninjau untuk membanteras aktiviti pengganas di laut. Selain itu, Jepun turut menempatkan pengawal pantai (*Japan Coast Guard-JCG*) bagi membantu pasukan pengawal pantai negara-negara pesisir dalam usaha membanteras ancaman pengganas di laut dan lanun. Jepun turut membantu menaiktaraf sistem identifikasi automatik (AIS) yang mampu menyediakan maklumat terperinci mengenai kapal yang belayar di sepanjang perairan Selat Melaka kepada pihak berkuasa pantai. Inisiatif ini dipertingkatkan lagi dengan beberapa kerjasama lain seperti ReCAAP, EiS, PSI, dan SEACAT yang dilaksanakan dengan kerjasama beberapa negara termasuk Amerika Syarikat, China dan Korea. Kerjasama dan bantuan berterusan daripada Jepun ini telah banyak membantu mengekalkan keselamatan dan keamanan pelayaran kepada kapal-kapal di Selat Melaka dan sekaligus memelihara kepentingan strategik maritim Jepun di perairan tersebut.

Bab lima secara khususnya membincangkan potensi Jepun untuk menjadi sebuah negara kuasa maritim di Asia Pasifik. Penulis cuba menganalisis faktor yang membantu Jepun untuk meningkat naik sebagai sebuah kuasa maritim yang kuat di rantau Asia Pasifik termasuklah dengan penubuhan Pasukan Pertahanan Diri Laut (MSDF). Penubuhan MSDF pada tahun 1954 adalah bertujuan untuk mengawasi dan menjaga perairan maritim Jepun daripada sebarang ancaman keselamatan. Penulis membincangkan secara terperinci bidang tugas MSDF seperti terlibat dalam misi anti-pelanun di laut, menyumbang kepada misi kemanusiaan global dan meningkatkan aspek keselamatan dan kestabilan di rantau Asia Pasifik. Antara aset dan kelengkapan yang dimiliki oleh MSDF dalam usaha mengekalkan keselamatan maritim termasuklah kapal selam, kapal pemusnah, pesawat peronda, pesawat tempur dan kapal pengangkut yang canggih dan mampu meningkatkan tahap keselamatan maritim Jepun. Jepun juga dilihat meningkatkan bajet pertahanan negara terutamanya selepas tahun 2013 dan 2014. Penulis membahaskan walaupun Jepun cuma menggunakan 1% untuk tujuan perbelanjaan keselamatan, tetapi jumlah ini dianggap besar berbanding negara lain di Asia Tenggara kerana Jepun merupakan negara yang mempunyai pendapatan negara kasar yang tinggi. Peningkatan bajet pertahanan ini dianggap penting untuk menyediakan kelengkapan teknologi yang canggih dalam usah Jepun untuk menjadi sebuah kuasa maritim yang kuat di Asia Pasifik. Selain itu, Jepun turut meningkatkan kerjasama pertahanan dengan negara lain dalam usaha untuk muncul sebagai kuasa maritim yang kuat. Jepun telah menjalinkan kerjasama pertahanan dengan Amerika Syarikat, India dan Australia untuk membangunkan kelengkapan maritim dan meluaskan kerjasama di bidang maritim termasuklah kebebasan pelayaran.

Kesimpulannya, buku ini adalah karya yang baik dan mudah difahami oleh para pembaca. Penulis membincangkan setiap bab secara terperinci dengan fokus kepada kepentingan nasional Jepun di Selat Melaka. Kepentingan strategik Selat Melaka sebagai laluan perdagangan bukanlah satu perkara yang baru, malah telah mendapat liputan meluas oleh pengkaji akademik sebelum ini. Kehadiran ramai aktor negara yang ingin meluaskan kuasa di perairan Selat Melaka juga telah menarik perhatian komuniti antarabangsa. Antara lainnya ia dianggap seperti satu percubaan kuasa asing untuk meluaskan kuasa di rantau yang kaya dengan sumber asli dan mineral itu. Sumbangan terbesar karya ini adalah dalam menganalisis peranan Jepun dalam usaha untuk muncul sebagai satu kuasa maritim yang kuat di Asia Pasifik. Perbincangan karya ini boleh ditambahbaik dengan data yang lebih terbaru dan terkini terutamanya dalam

membandingkan usaha Jepun untuk meluaskan kuasa maritim di Asia Pasifik apabila berdepan dengan saingan dan kebangkitan negara-negara kuasa besar yang lain seperti Amerika Syarikat, China dan India. Secara keseluruhannya, karya ini wajar dijadikan rujukan kepada penganalisis dasar luar, penganalisis keselamatan maritim, pelajar dan para pembaca yang ingin meluaskan pengetahuan dalam bidang keselamatan maritim.

Penghargaan dan Pengisytiharan

Para penulis merakamkan penghargaan kepada para penilai tanpa nama (*anonymous reviewers*) kerana kesudian penilaian serta cadangan penambahbaikan kualiti manuskrip. Tiada potensi konflik berkepentingan sepanjang proses penerbitan.

Nota

¹ Jepun mula mengembangkan ekonominya selepas krisis ekonomi dunia 2009 berakhir. Kebergantungan Jepun terhadap sumber tenaga termasuk minyak dan gas juga mula meningkat selepas 2011 sekaligus menjadikannya negara pengimport terbesar gas cecair asli dunia dan negara ketiga terbesar dalam import minyak dunia dari Timur Tengah terutamanya UAE. Hasil import ini dihantar melalui jalan laut dari Timur Tengah, merentasi Selat Melaka, kemudiannya Laut China Selatan dan Selat Taiwan sebelum sampai ke Jepun. Selain sumber minyak, sumber mineral dan bahan mentah lain juga turut dihantar ke Jepun melalui Selat Melaka dari Korea Selatan dan Hong Kong (Kamran dan Nasrabady 2020). Laluan Selat Melaka yang lebih pendek dan selamat telah menyebabkan pengendali kapal perdagangan Jepun memilih perairan ini berbanding Selat Lombok mahupun Selat Sunda kerana ia mampu menjimatkan masa pelayaran dan mengurangkan kos perjalanan. Sekiranya syarikat perkapalan memilih untuk menggunakan Selat Sunda atau Selat Lombok, mereka perlu meningkatkan kos sebanyak 30 yen per kilometer bersamaan hampir 1.2 billion USD dengan masa perjalanan tambahan selama dua minggu (lihat juga Zulkifli *et al.* 2014). Kelangsungan bekalan utama minyak dan gas asli dari Timur Tengah ke Jepun ini akan meningkatkan keselamatan tenaga Jepun dan sekaligus menjamin kestabilan ekonomi Jepun secara keseluruhan.

Rujukan

- Kamran Dastjerdi, Hasan., dan Narjessadat Hosseini Nasrabady. 2020. "Role of Malacca Strait with a Geopolitical and Strategic Approach." *Geopolitics Quarterly* 16, no. 60: 264-287.
- Zulkifli, Noraini., Sharifah Munirah Alatas, dan Zarina Othman. 2014. "The Importance of the Malacca Straits to Japan: Cooperation and Contributions toward Littoral States." *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 41, no. 2: 80-98.